



**PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NASIONAL
JABATAN PERDANA MENTERI**

KENYATAAN MEDIA

LEBIH BANYAK INISIATIF NACP DIJANGKA SELESAI PADA 2022

Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuaht Nasional (GIACC) menyasarkan lebih banyak inisiatif Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) dapat selesai dilaksanakan pada tahun ini berikutan momentum positif yang ditunjukkan oleh 27 ketua agensi peneraju.

Setakat 31 Disember 2021, sebanyak **lapan** daripada 82 inisiatif yang digariskan dalam Semakan Separuh Penggal NACP telah berjaya dilaksanakan sehingga peringkat output oleh agensi peneraju. Daripada **74** inisiatif yang berbaki ini, sebanyak **14** inisiatif lagi sedang dalam proses pelaksanaan di peringkat output dan dijangka akan selesai dilaksanakan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2022.

Bagi memastikan lebih banyak inisiatif NACP dapat selesai dilaksanakan sehingga peringkat output pada tahun ini, ketua agensi peneraju dinasihatkan supaya memberi fokus kepada inisiatif yang mustahak untuk dilaksanakan seiring dengan dasar kerajaan ketika ini yang menjurus ke arah pemulihan sektor ekonomi dan sosial negara.

GIACC yakin sekiranya pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi yang memerlukan perubahan berbentuk pentadbiran serta fokus kepada agenda antirasuah dapat diutamakan, dijangka lebih banyak inisiatif akan dapat dilaksanakan sehingga peringkat output sebelum pertengahan tahun 2022.

Untuk makluman, NACP yang dilancarkan pada 2019 akan berakhir pelaksanaannya pada 2023. Sebanyak 115 inisiatif telah digariskan dalam NACP yang dilancarkan pada 2019. Daripada jumlah tersebut 29 inisiatif telah berjaya dilaksanakan sehingga peringkat output.

Pada tahun 2021 Semakan Separuh Penggal NACP telah dilaksanakan dengan 82 inisiatif digariskan untuk pelaksanaan. Mengambil kira 29 inisiatif yang telah siap pada tahun 2019 sehingga peringkat output dan 82 inisiatif yang sedang dilaksanakan menjadikan keseluruhan 111 inisiatif NACP yang kini dipantau oleh GIACC. **[TAMAT]**

Oleh:

Datuk Seri Mohd Sallehuddin Bin Hassan

Ketua Pengarah

Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuaht Nasional (GIACC)

09 Februari 2022